

XXXXXX

Lawan

XXXXXX

[Dalam Mahkamah Tinggi Syariah
Melaka (Y.A.A. Datuk Mahammad bin
Ibrahim Ketua Hakim Syarie Negeri
Melaka)]

Kes Semakan Mal No: 04003-054-0404-2009

Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002 Seksyen 49(3)(b)(i)
- Bidang Kuasa Mahkamah Syariah- Seksyen 54(1) Bidang kuasa
pengawasan dan penyemakan Mahkamah Tinggi Syariah.

Arahan Amalan

Arahan Amalan No. 4 Tahun 2004

- Hakim tidak boleh membatalkan kesnya sendiri
- Hakim yang lebih tinggi berhak mengubah keputusan Hakim
Mahkamah Rendah Syariah.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Fakta Kes

1. Plaintif dan Defendan telah berkahwin pada 1.9.2001 di Masjid Umbai Melaka. Hasil perkongsian hidup mereka telah dianugerahi dengan 3 orang anak. 2 Lelaki dan seorang perempuan. Akan tetapi anak perempuan tersebut telah meninggal dunia. Plaintif dan Defendan pada mulanya hidup dalam keadaan aman bahagia. Tetapi di pertengahan jalan badai melanda pasangan tersebut akhirnya Plaintif dan Defendan bercerai dengan talak satu. Penceraian ini telah disahkan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Melaka pada 30.1.2009. Setelah pihak Defendan melafazkan talak satu kepada Plaintif seperti berikut:-

"Saya XXXXXX menceraikan XXXXXX dengan talak satu".

Dengan lafaz cerai tersebut di luar mahkamah tanpa kebenaran mahkamah maka Hakim Bicara telah mensabitkan dan mengesahkan telah jatuh satu talak kali pertama jumlah talak satu. Seterusnya hakim bicara telah memerintahkan supaya Plaintif hendaklah beriddah 3 kali suci mulai 15.8.2009 sehingga selesai iddah. Hakim bicara memberi alasan bahawa iddah Plaintif adalah berpanjangan kerana pada 30.1.2009 bermula dari tarikh lafaz talak Defendan ini hingga tamat iddah raji'e Plaintif, Defendan tidak merujuk kembali sebagai pasangan suami isteri yang sah dan Defendan telah tinggal bersama di

dalam sebuah rumah seolah-olah sebagai sepasang suami isteri yang sah. Seterusnya pada 16.8.2009 setelah Defendan di dakwa oleh Plaintiff, bahawa Defendan telah melafazkan talak kali kedua kepada Plaintiff maka Defendan terus keluar rumah daripada rumah kelamin mereka.

Persoalan yang hendak diputuskan dalam kes semakan ialah:

1. Adakah Defendan telah merujuk kembali sebagai pasangan suami isteri yang sah mengikut hukum syarak dalam masa iddah raji'e.
2. Adakah penentuan permulaan pengiraan iddah Plaintiff bermula pada 15.8.2009 atau 16.8.2009.
3. Adakah penentuan pengiraan awalan iddah Plaintiff di ambil kira terhadap isu rujuk atau isu tinggal bersama di antara mereka.

Di putuskan:

1. Mahkamah mengekalkan perintah hakim bicara dengan mengesahkan telah sabit lafaz talak kali pertama pada 30.1.2009, seperti mana yang diputuskan di para 1 dan 2.
2. Mahkamah mengenyahkan perintah di para 3 dan Mahkamah ini memerintahkan Plaintiff hendaklah beriddah dengan iddah

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

muasyarah sebagaimana hukum Ehtiyati (احتياط) di dalam hukum Fiqh, maka dengan ini Mahkamah sabitkan iddah muasyarah Plaintiff bermula dari Defendan keluar dari rumah kelamin mereka pada 16.8.2009 hinggalah berakhir iddah Plaintiff dengan tiga kali suci.

3. Mahkamah perintahkan kepada hakim bicara hendaklah memanggil semula Defendan untuk memberi keterangan berhubung dengan dakwaan Plaintiff bahawa telah berlaku talak kali kedua ketika mana mereka berada di dalam iddah bermuasyarah.
4. Perintah ini hendaklah di sampaikan kepada Hakim Bicara berkenaan untuk tindakan selanjutnya.
5. Perintah ini berkuat kuasa serta merta.

Surah-Surah al-Quran yang dirujuk:

- Surat al-Baqarah ayat 228, 229 – 231,
- Surat al-Ahzab ayat 49
- Surat al-Talak ayat 2

Hadis-Hadis yang dirujuk:

- Sahih Bukhari

Kitab-Kitab yang dirujuk:

- al-Iman al-Mawardi (Wafat 450 Hijrah), Kitab al-Ahkan al-Sultaniah, Halaman 122 cetakan Darul-Hadis Kaherah Cetakan tahun 2006.

- Al-Syeikh Khatib Syirbini, Kitab Muqnhni al-Muhtaj dalam bab al-Qada halaman 307 jilid 6, cetakan Maktabah Taufighiah, Mesir tanpa tarikh.

- Dr Hamid Abdul al-Gaqiy, Pensyarah Kuliyyah as-Syariah Wa al-Qanun

Tanta Mesir Kitab

أحكام الر حصة فى الفقه الاسلامى

halaman 62.

- al-'Allanah Abu Bakar Satha al-Dunyati al-Bakri Kitab اعانة الطالبين

Halaman 100 jilid 4.

- Imam Nawawi Kitab روضة الطالبين 8/397, Haji Mohd Saleh Haji

Ahmad, Perkahwinan Dan Perceraian Dalam Islam 192-196

- **Undang-Undang yang dirujuk:**

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002, seksyen 49

- **Arahan Amalan:**

Arahan amalan No. 4 Tahun 2004.

PENGHAKIMAN Y.A.A. DATUK MAHAMMAD BIN IBRAHIM

KETUA HAKIM SYARIAH NEGERI MELAKA

Di dalam kes ini Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk menyemak berhubung dengan kes penceraian. Ini telah dijelaskan oleh **Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002 Seksyen 49(3)(b)i.**

49 (1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh negeri Melaka dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

(3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah dalam bidang kuasa malnya mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu ialah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubung dengan:

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

(i) *Pertunangan, perkahwinan rujuk,
penceraian pembubaran perkahwinan*

Seksyen ini hendaklah dibaca bersama dengan **Seksyen 54 (1)**
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002.

54(1) *Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa pengawasan dan penyemakan ke atas semua Mahkamah Rendah Syariah dan boleh, jika tampak perlu oleh Mahkamah Tinggi Syariah itu demi kepentingan keadilan, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas kehendak mana-mana pihak atau orang yang berkepentingan, pada mana-mana peringkat dalam apa-apa perkara atau prosiding, sama ada mal atau jenayah, dalam mana-mana Mahkamah Rendah Syariah, memanggil dan memeriksa mana-mana rekod tentang perkara atau prosiding itu dan boleh memberikan apa-apa arahan yang dikehendaki demi keadilan.*

(2) *Bilamana Mahkamah Tinggi Syariah memanggil rekod apa-apa perkara atau prosiding di bawah subseksyen (1), semua prosiding dalam Mahkamah di gantung sementara menanti perintah selanjutnya daripada Mahkamah Tinggi Syariah.*

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Daripada peruntukan tersebut telah jelas bahawa mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk menyemak keputusan yang telah dibuat hakim bicara tersebut. Apatah lagi dalam kes ini Hakim bicara itu sendiri telah menulis dan memohon semakan ke atas kes yang diputuskan olehnya sendiri kepada Y.A.A. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah untuk disemak dan diputuskan. Dalam isu semakan ini, Mahkamah ini suka merujuk kepada beberapa pandangan ulama mengenai isu yang diperbincangkan.

Mengikut al-Iman al-Mawardi dalam kitab al-Ahkam al-Syultaniah:

Sayyidina Umar al-Khattab ada menjelaskan bahawa:

Yang bermaksud:

"Tidak ada halangan bagi mu, untuk memeriksa dengan akal mu dan mempertimbangkan dengan petunjuknya keputusan yang telah engkau putuskan pada hari ini agar engkau sampai kepada kebenaran. Kerana sesungguhnya kebenaran itu harus dilaksanakan dan kembali kepada kebenaran itu lebih baik daripada berpanjangan dalam kebatilan". Mengikut pandangan Sayidina Umara al-Khattab tersebut dapatlah difahami bahawa semakan tersebut adalah diharuskan dengan tujuan untuk mengembalikan kepada kebenaran Mahkamah juga, merujuk kepada kitab Mugni al-Muhtaj karangan al syeikh Khatib

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

Syirbini. Beliau telah menjelaskan dalam bab al-Qada muka surat 307 jilid ke 6 cetakan Maktabah Taufiqiah Mesir - tanpa tarikh”.

Maksudnya: Apabila seorang hakim menjatuhkan hukuman berdasarkan ijtihadnya kemudian ternyata hukuman itu menyalahi Al-Quran, atau Sunah atau Ijmak atau Qias yang nyata, maka ia hendaklah membatalkan atau hakim yang lain membatalkannya.

Berdasarkan pendapat Fuqaha' di atas bahawa sekiranya sesuatu keputusan yang telah diputuskan oleh seseorang hakim itu bertentangan dengan Al-Quran atau hadis atau Ijmak atau Qias maka hakim tersebut boleh membatalkannya atau hakim yang lebih tinggi boleh membatalkan kes tersebut.

Tindakan untuk membatalkan keputusan oleh Hakim yang lain adalah selaras dengan Arahan Amalan No.4 Tahun 2004. Mana-mana hakim yang membuat sesuatu keputusan dan didapati keputusan tersebut bertentangan dengan hukum syarak atau prosedur maka hakim tersebut tidak boleh membatalkan keputusannya melainkan hakim yang lebih tinggi mengubah dan membatalkan kes tersebut. Arahan ini adalah bertujuan untuk memastikan keadilan dapat dicapai sepenuhnya terhadap pihak-pihak yang terlibat.

Di dalam kes semakan ini hakim bicara telah mengesahkan telah berlaku penceraihan talak satu terhadap Plaintiff. Pada saya persoalan talak tidak

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

menjadi isu dalam kes ini. Isu pokoknya dalam kes ini adalah mengenai penentuan iddah Plaintif. Setelah mensabitkan talak satu hakim bicara telah memerintahkan Plaintif hendaklah beridah tiga kali suci mulai daripada 15.8.2009. Sedangkan pada tarikh 16.8.2009 saya dapati dalam catitan Hakim Bicara, Defendan telah keluar dari rumah kelamin mereka.

Di dalam kes ini terdapat dua isu pokok yang harus diputuskan. Isu pertama ialah mengenai adakah pasangan ini telah merujuk kembali sebagai suami isteri yang sah dalam waktu iddah. Sekiranya mereka merujuk kembali, adakah rujuk itu dibuat dengan perkataan atau perbuatan. Mengenai persoalan rujuk ini Allah berfirman di dalam surat al-Baqarah ayat 228 yang mafhumnya:

"Dan suami-suami mereka adalah lebih berhak untuk mengembalikan (rujuk) mereka (isteri-isteri yang telah diceraikan itu) kepada mereka pada waktu sedang dalam iddah jika mereka ingin berbaik".

Mengikut firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 231 yang mafhumnya:

"Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri kamu kemudian mereka (hampir) habis tempoh iddahnya maka bolehlah kamu pegang mereka (rujuk) dengan cara yang baik atau lepaskan mereka dengan cara yang baik".

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Ayat tersebut memberikan kefahaman bahawa apabila suami menceraikan isteri-isteri mereka, maka hendaklah menceraikan isteri mereka ketika mana isteri di dalam keadaan bersuci dan sekiranya suami merujuk kembali, maka rujuklah ia ketika di dalam masa iddah.

Firman Allah lagi dalam surat al-Baqarah ayat 229 yang mafhumnya:

"Talak yang boleh dirujuk itu dua kali maka rujuklah dengan baik atau ceraikan dengan baik".

Ayat di atas memberikan pilihan kepada suami antara merujuk atau bercerai. Namun apa pun yang menjadi pilihannya haruslah dengan maksud melaksanakannya dengan baik bukan dengan sebaliknya.

Dalam sebuah hadis daripada Ibnu Umar Radhiyallah 'anhuma' sesungguhnya tatkala beliau menceraikan isterinya (dalam masa haid) lalu baginda berkata kepada Umar (bapanya). Suruhkanlah dia (anak engkau) supaya ia rujuk balik kepada isterinya.

Mengikut catatan hakim dalam kes ini saya dapati pasangan tersebut telah tidak membuat rujuk kembali secara perkataan. Apabila rujuk tidak dilakukan dengan perkataan maka saya menganggap mereka telah melakukan rujuk secara perbuatan. Mengikut Mazhab Syafie bahawa rujukan secara perbuatan adalah tidak sah malah hukumnya adalah haram

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

kerana talak tersebut membubarkan perkahwinan. Manakala Mazhab Maliki dan Hambali berpendapat bahawa rujukan yang dibuat secara perbuatan adalah sah. Di dalam masalah ini Mazhab Syafie telah menghuraikan dengan panjang lebar. Mereka mengatakan rujuk tidak sah kecuali telah memenuhi 3 rukun seperti mana yang telah ditetapkan iaitu seperti berikut:-

Rukun Pertama - Al-Murtaji

- Suami merujuk kepada isterinya

Rukun kedua - Al-Mahall

- Iaitu tempat yang dirujuk (isteri)

Rukun ketiga - Al-Sighah

- lafaz shigah

Manakala syarat sah rujuk adalah seperti berikut:-

Pertama: Murtaji itu hendaklah orang yang mempunyai kelayakan berkahwin dengan sendirinya, iaitu seorang yang berakal, baligh dan membuat pilihan sendiri. Oleh itu, tidak sah rujuk seorang yang gila, kanak-kanak, orang yang dipaksa merujuk isterinya dan orang murtad.

Kedua: Isteri yang di cerai itu boleh menjadi halal bagi suami yang merujuk. Oleh itu tidak sah merujuk isteri yang murtad pada ketika riddahnya, kerana tujuan rujuk itu ialah halal sedangkan

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

riddah menafikan halal. Demikian juga kalau suami jadi murtad atau kedua-duanya murtad tidak sah rujuk.

Ketiga: Isteri yang di cerai itu hendaklah ditentu atau dipastikan, kerana jika ia menceraikan salah seorang isterinya yang tidak ditentukannya, kemudian dirujuk isteri yang di cerai itu, maka tidak sah rujukannya. Demikian juga sekiranya ia menceraikan kedua-dua orang isterinya kemudian dia merujuk salah seorang darinya dengan tidak ditentukan juga, tidak sah rujuknya.

Keempat: Hendaklah isteri itu telah disetubuhi atau diwati (begitu juga memasukkan air mani suami secara yang diharuskan ke dalam farajnya samalah dengan hukum bersetubuh atau wati), maka tidak sah merujuk isteri yang ditalak sebelum disetubuhi kerana ia menjadi bain dengan talak sebelum disetubuhi dan kerana ia tidak wajib beriddah.

Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نَكَحْتُمُ الْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ طَلَقْتُمُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوهُنَّ فَمَا لَكُمْ عَلَيْهِنَّ مِنْ

عِدَّةٍ تَعْتَدُونَهَا

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Ertinya: "Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu menikahi perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu mencampurinya (menyetubuhinya) maka tidaklah wajib atas mereka 'iddah bagi mu yang kamu minta menyempurnakan."

(surah al-Ahzab: 49)

Kelima: Hendaklah perceraian itu dengan talak, maka tidak sah rujuk isteri yang di cerai dengan yang lain dari talak seperti fasakh dan khul'.

Keenam: Hendaklah talak itu tidak sampai kepada kadar had maksimumnya iaitu tiga talak bagi orang merdeka dan dua talak bagi hamba. Maka tidak sah dirujuk isteri yang ditalak bagi hamba. Maka tidak sah dirujuk isteri yang ditalak tiga sekali gus atau satu demi satu, bahkan tidak sah dikahwininya melainkan setelah melalui proses tahlil.

Ketujuh: Hendaklah talak itu tanpa bayaran. Oleh itu tidak sah rujuk isteri yang di cerai dengan bayaran seperti tebus talak (khul') kerana perceraian dengan khul' itu memutuskan perkahwinan yang tidak boleh dirujuk lagi.

Kelapan: Hendaklah rujuk itu dilakukan sebelum berakhirnya iddah. Oleh itu tidak sah rujuk isteri yang di cerai dan telah berakhir

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

iddahnya, kerana ia telah menjadi ajnabiyah setelah habis iddahnya. Walau bagaimanapun boleh dikahwini semula dengan aqad yang baru izin yang baru dipersaksikan dan isi kahwin yang lain.

Kesembilan: Hendaklah rujuk itu dengan lafaz tertentu datangnya dari lelaki bukannya dari wanita.

LAFAZ RUJUK

Lafaz yang digunakan untuk menyatakan rujuk mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:-

Pertama: Lafaz tersebut mestilah dapat mengungkapkan maksud rujuk. Dalam hal ini ada dua kemungkinan sama ada lafaz sorih atau lafaz kinayah.

a) Lafaz Sorih

Lafaz sorih ialah yang tidak mengandungi makna selain dari maksud rujuk semata-mata. Lafaz sorih tidak memerlukan kepada niat bagi sah rujuk.

Lafaz sorih dalam bahasa Arab ialah seperti berikut.

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

"راجعت زوجتي الى نكاحي, أوالي"

"راجعت زوجتي الى نكاحي, أوالي"

Ertinya: "Aku rujuklah isteri ku kepada perkahwinan aku atau Aku rujuk isteri ku kepada aku."

Adapun menyebut "kepada perkahwinan ku" atau "kepada ku" hukumnya sunat sahaja.

"رددت زوجتي الى نكاحي"

Ertinya: "Aku kembalikan isteri ku kepada perkahwinan ku".

b) Lafaz Kinayah

Lafaz kinayah ialah lafaz yang mengandungi makna rujuk dan juga makna yang lain. Di antara lafaz kinayah dalam Bahasa Arab ialah **تروحتك** atau **نكحتك**. Sah rujuk dengan terjemahan kepada lafaz-lafaz sorih dan kinayah tersebut. Lafaz sorih tidak memerlukan niat bagi sah rujuk tetapi lafaz kinayah memerlukan niat rujuk. Kalau tidak niat maka tidak sah rujuk. Lafaz yang digunakan juga hendaklah dinyatakan dengan terang kepada sesiapa yang ditunjukkan. Kalau hanya semata-mata menyebut aku rujuk maka tidak memberikan apa-apa kesan.

Kedua: Lafaz rujuk itu hendaklah munajjazah iaitu rujuk terus berlaku setelah lafaz itu diucapkan maka tidak sah rujuk dengan bertaklik atau membatasi waktu, seperti kata suami 'Aku Rujuk Kamu satu bulan.

Daripada rukun dan syarat sah rujuk tersebut dapatlah difahami bahawa sesuatu rujuk yang dibuat hendaklah memenuhi kehendak rukun dan syarat sah rujuk sekiranya tidak maka tidaklah sah rujuk tersebut.

Dalam kes ini ternyata daripada catatan hakim bahawa pasangan tersebut telah tidak membuat rujuk kembali sebagai suami isteri secara perkataan. Maka timbul persoalan di sini adakah rujuk secara perbuatan sah dari segi hukum syarak.

Mahkamah merujuk di dalam kitab “ أحكام الرجعة في الفقه الإسلامي ”

karangan Dr. Hamid Abduh al-Faqiy, pensyarah Kuliyyah as-Syariah Wa al-Qanun Tanta, Mesir ada menyebut di halaman 62:

الرجعة الفعلية

الرجعة بالفعل كأن يجامع الرجل المرأة ، أو يمس شيئاً من أعضائها بشهوة ، لم تكن محل إتفاق بين الفقهاء كالقولية ، وإنما اختلفوا بين ثبوت الرجعة بها أو عدمها إلى رأيين :

الرأي الأول :

عدم ثبوت الرجعة بالفعل ، وإنما لا تصح بالقول عند القدرة عليه ، بأن لا يكون أخرس ، أو معتقل اللسان ، فلا يجوز الوطء عندهم قبل الرجعة بالقول ، وهو للشافعية ، والظاهرية ،

وإحدى الروایتین عند الحنابلة ، واختارها الخرقی منهم ، وبه قال أبو قلابة وأبو ثور وجابر بن زید ، واللیث بن سعد .

الرأى الثاني :

وهو ثبوت الرجعة بالفعل : فيه قولان

القول الأول :

وهو للحنفية والزيدية والإمامية وإحدى روايتین عند الحنابلة ، واختارها منهم ابن حامد وبه قال سعيد ابن مسيب ، والحكم بن عتيبة ، و الحسن البصري وابن سيرين ، و ابن عطاء وطاوس والزهرى والثوري ، والأوزاعي ، وإبرهيم النخعي ، و ابن أبي ليلى .

سواء نوى به الرجعة أو لم ينو

القول الثاني :

وهو المالكية وإسحاق ، واشتروا لثبوت الرجعة بالفعل أو مقدماته أن تكون هناك نية للرجعة وإلا فلا .

Rujuk dengan perbuatan seperti menjimakkan isterinya, atau menyentuh mana-mana anggota isterinya dengan syahwat,

Dalam masalah ini para alim ulama tidak bersepakat tentang ke sabitan rujuk terbahagi kepada dua pandangan:

Pandangan Pertama :

Tidak sabit rujuk dengan perbuatan, dan sesungguhnya sabit rujuk hanya dengan perkataan di sisi orang yang berkuasa bertutur sekira mana ia bukan orang bisu, bukan orang kelu lidahnya , maka tidak harus wathi sebelum rujuk dengan perbuatan menurut pandangan mazhab ini.

للشافعية ، والظاهرية ،
Di antara mereka yang berpandangan ini ialah وإحدى الروايتين عند الحنابلة ، واختارها الخرقى منهم ، وبه قال أبو قلابة وأبو ثور وجابر بن زيد
، والليث بن سعد . (as-Syafeiyyah, az-Zahiriyyah, satu riwayat dari imam
Ahmad ibnu Hambal, telah memilih imam al-Haraqiy di kalangan mazhab
Hambali , Abu Qilabah , Abu Thaur dan Jabir ibnu Zaid dan juga Imam al-
Laith ibnu Sa'ad.

Pandangan Kedua :

Dalam pandangan kedua ini, ia terbahagi kepada dua pandangan ulama:

Pertama: Sabit rujuk dengan perbuatan sama ada ada niat atau pun tidak
Mereka yang berpendapat seperti ini ialah " Hanafiyyah, Zaidiyyah, salah
satu dua riwayat Imam Ahmad,
Telah memilih Ibnu Hamid, Sa'iid ibnu Musaiyyab, al-Hakam ibnu 'Utaibah,
Hasan al-Basriy, ibnu Sirin, 'Atha', Thawus, az-Zuhriy, as-Sauriy, Awza'eiiy,
Ibrahin al-Nakhaiey, Ibnu Abi Laila

Kedua : Sabit rujuk dengan perbuatan dengan syarat ada niat hendak
rujuk. Pandangan ini adalah terdiri daripada Imam al-Malikiyyah , Ishak ibnu
Rahawiyyah

DALIL MAZHAB PERTAMA :

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

a) Al-Quran :

فإذا بلغن أجلهن فأمسكوهن بمعروف أو فارقوهن بمعروف وأشهدوا ذوي عدل منكم ، وأقيموا
الشهادة لله

(سورة الطلاق : 2)

"Maka apabila mereka telah hampir berakhir iddahnya, maka rujuklah (kembali) kepada mereka dengan baik atau lepaskanlah mereka dengan baik dan bersaksikanlah dengan dua orang saksi yang adil di antara kamu dan hendaklah kamu tegakkan kesaksian kerana Allah Taala

Wajhu al-Dilalah ayat al-Quran al-Karim di atas

1- فأمسكوهن بمعروف

maka rujuklah (kembali) kepada mereka dengan baik

Ayat di atas menunjukkan harus pemilikan isteri selepas Imsak (أمسك)

والثاني : أن الإشهاد في الرجعة مأمور به ، إما على الوجوب أو الندب ، والوطء مما لم تجر
العادة بالإشهاد عليه .

2- Sesungguhnya (إشهاد) iaitu saksi adalah diperintah dalam mensabitkan rujuk sama ada hukumnya adalah wajib atau pun sunat, Manakala bersetubuh menurut adatnya tidak dapat dibuktikan dengan saksi.

b) As- Sunnah :

Sabda Rasulullah s.aw :

فقوله النبي (صلى الله عليه وسلم) : " فليراجعها ثم ليمسكها تطهر "
أخرجه البخاري

وجه الدلالة :

الحديث فيه الأمر بوجوب الرجعة قبل إمساكها ، وإلا يكون إمساكها رجعة ، ولأنه رفع لحكم طلاقه ، فلم يتم إلا بالقول مع القدرة عليه كالبائن .

"Wahai Umar perintahkan anak mu Abdullah rujuk semula isterinya kemudian ia pegang isterinya sehingga isterinya suci" .

Wajhu al-Dilalah Hadis Nabi s.a.w di atas:

Hadis Nabi s.a.w di atas menunjukkan wajib ke atas suami rujuk isterinya terlebih dahulu sebelum bersama (إمساك) dengan isterinya, jika tidak dengan perintah rujuk dari Nabi s.a.w nescaya memegang isteri sudah dikira rujuk, sebaliknya tidak diperintah sedemikian itu.

Ini adalah kerana rujuk mengangkat hukum talaq suami, maka tidak sempurna hukum rujuk melainkan dengan perkataan bagi orang yang kuasa bertutur dengannya.

c) Dalil 'Akal:

فهو أن الرجعة حادثة في فرقة ، فلا يصح إمساكها بالوطء ، ولأنه فعل مع القدرة على القول فلم تصح به الرجعة كالقبلة .

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Rujuk adalah berlaku ketika terdapat perceraian, maka tidak sah **إمساك** akan isteri dengan hanya cara wathi (**الوطء**) , ini adalah kerana wathi itu adalah satu bentuk perbuatan, sedangkan rujuk adalah dengan perkataan bagi orang yang boleh bertutur, maka yang sedemikian itu tidak sah rujuk dengan perbuatan seperti bercumbu-cumbuan.

DALIL MAZHAB KEDUA :

a) Al-Quran :

فإذا بلغن أجلهن فأمسكوهن بمعروف

Maka rujuklah (kembali) kepada mereka dengan baik

وجه الدلالة :

فقد سمى الله تعالى الرجعة إمساكا ، والإمساك حقيقة يكون بالفعل ، فالآية فيها دلالة على وقوع الرجعة بالجماع ، لأن الإمساك على النكاح إنما هو الجماع ، وتوابعه من اللمس والقبلة ونحوها . والدليل عليه أن من يحرم عليه جماعها تحريما مؤبدا يصح له عقد النكاح عليها فدل ذلك على أن الإمساك على النكاح ، فيكون بالجماع ممسكا لها ، وكذلك اللمس والقبلة والشهوة .

Wajah al-Dilalah ayat al-Quran di atas :

Sesungguhnya Allah Taala telah menyebut rujuk itu dengan nama (**إمساك**) .

Adapun **إمساك** pada hakikatnya adalah merujuk kepada perbuatan, maka ayat al-Quran di atas menunjukkan bahawa rujuk boleh disabitkan dengan perbuatan iaitu jimak. Ini adalah kerana maksud (**إمساك**) dalam bab nikah ialah jimak dan termasuk juga seperti hukum jimak seperti dengan cara

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

sentuh-sentuhan, cumbu-cumbuan dan juga melakukan sesuatu yang menaikkan syahwat .

b) Dalil `Akal :

إن الرجعة إستدامة الملك ، وكل ما هو كذلك ، فالفعل يقع دليلا عليه ، وهذه الافاعيل : الوطاء واللمس والتقبيل) تختص بالنكاح فتقع دلالة على الرجعة ، كما أنها ليست ابتداء عقد ، بل إستمرار لعقد سابق ، بدليل أن عدد الطلقات ينقص ، وإنها تعود إليه على ما بقى .

Sesungguhnya rujuk adalah bertujuan **إستدامة الملك** (iaitu pemilikan yang berterusan), maka tiap-tiap sesuatu yang menunjukkan kepada pemilikan yang berterusan maka ia adalah termasuk dengan makna rujuk, maka (perbuatan **الفعل**) adalah salah satu bentuk yang boleh berlakunya rujuk.

Perbuatan-perbuatan itu ialah:

(**الوطء واللمس والتقبيل** - wathi, bersentuh-sentuhan, bercumbuan) perbuatan ini hanya dikhususkan (dibenarkan oleh syarak) dengan sebab pernikahan, maka dengan melakukan perbuatan- perbuatan seperti itu, rujuk boleh disabitkan. Pensabitan rujuk dengan perbuatan bukanlah menunjukkan kepada membina akad yang baru tetapi adalah sebagai meneruskan akad yang terdahulu. Sebagai hujahnya ialah bilangan talaq akan berkurang jika berlaku talaq di dalam iddah rajeei dan sesungguhnya juga bilangan talaq akan dihitungkan atas bilangan yang baki lagi.

Di dalam membuat pertimbangan ini sama ada rujuk dengan perkataan atau perbuatan diterima saya berpendapat adalah lebih aula diambil pendapat Imam Syafie. Ini adalah kerana kedua-dua pihak berpegang dan beramal kepada Mazhab Shafie. Ini selaras dengan amalan pemerintah di negara ini yang menerima pakai pendapat dan pandangan Imam Syafie apabila membuat sesuatu rujukan. Oleh itu di dalam membuat keputusan di dalam kes ini Mahkamah akan menerima pakai Mazhab Shafie, bahawa sah rujuk itu dengan perkataan bukan dengan perbuatan. Dalam hal ini juga bukan bermakna mahkamah tidak menerima pakai Mazhab selain daripada Mazhab Syafie. Ini adalah bergantung pada keadaan kes-kes tertentu. Mahkamah ini berpendapat bahawa sekiranya rujukan di dalam sesuatu kes ini sekiranya tidak ada pendapat dan pandangan Mazhab Syafie maka barulah diambil kira pendapat dan pandangan selain daripada mazhab Shafie. Kesimpulannya selagi ada pandangan Mazhab Shafie maka selagi itulah kita menerima pakai Mazhab Shafie.

Setelah mahkamah menerima pakai Mazhab Syafie dan memutuskan bahawa sah rujuk dengan perkataan bukan dengan perbuatan, maka dalam kes ini mahkamah dapati tidak ada rujukan dibuat oleh pasangan tersebut kecuali dengan perbuatan. Oleh itu Mahkamah ini sahkan bahawa rujukan secara perbuatan adalah tidak sah.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Setelah Mahkamah sahkan tidak ada rujuk dibuat dengan perkataan maka Mahkamah beralih pula kepada isu kedua itu penentuan awalan iddah Plaintif. Bilakah ketentuan pengiraan awalan iddah Plaintif.

Dalam persoalan ini Mahkamah akan merujuk kitab " اعانة الطالبين " karangan al-'Allamah Abu Bakar Satha al-Dumyati al-Bakri, halaman 100, jld 4 ada menyebut:-

فان لم يمض زمن بعد بلا معاشرة , بأن استمرت المعاشرة من حين الطلاق , استأنف العدة من حين زوالها

Apabila iddah isteri belum berlalu lagi selepas ia ditalakkan dalam keadaan tidak ada hubungan mu'asyarah dengan suami, maka iddahnya hendaklah dikira bermula dari niat pasangan suami isteri tidak mahu bermuasyarah lagi.

أنها لاتستأنف عدة خديدة بعد زوال المعاشرة ان مضى زمن بعد الطلاق بلا معاشرة

Jika iddah isteri sudah berlalu selepas ia di talakkan oleh suaminya tanpa ada hubungan mu'asayarah, maka sesungguhnya ia tidak perlu menjalani iddah yang baru apabila sudah tidak muasyarah lagi dengan suaminya.

Di dalam kitab " اعانة الطالبين " Karangan al-'Allamah Abu Bakar Satha al-Dumyati al-Bakri, hlm 1001, jld 141 ada menyebut:-

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

وكالر خعيت في خمسة:

1 - في لحوق الطلاق

2 - وفي وجوب سكناها

3- وفي أنه لا يح بوطئها

4. وليس له تزوج نحو أختها

5. أربع سواها

Perempuan yang bermuasyarah dengan suaminya selepas ditalakkan tertakluk kepada beberapa hukum iaitu:-

Lima hukum seperti perempuan dalam iddah talak raje'i:

1. Boleh disabitkan berlaku talak dalam iddah muasyarah
2. Suami wajib menyediakan tempat tinggal isteri
3. Tidak boleh dikenakan hukman hudud (had zina) dengan sebab persetubuhan dalam iddah muasyarah.
4. Suami tidak boleh berkahwin dengan perempuan yang haram dihimpunkan bersama isterinya itu seperti iparnya atau ibu saudara isterinya.
5. Suami tidak boleh berkahwin dengan isteri yang baru dalam iddah muasyarah jika sudah memiliki empat orang isteri.

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

كالبا في تسعة أحكا

1. لا يصح رجعتها

2. ولا يصح التوارث بينهما

3. ولا يصح منها إيلاء

4. ولاظهار

5. ولالعان

6. ولانفقة

7. ولاكسوة

8. ولا يصح خلعها , بمعنى أنه اذا خالعا وقع الطلاق رجعيا ولا يلزم العوض

9. اذا مات الزوج عنها لا ينتقل لعدة الوفاة

Sembilan hukum seperti perempuan yang ditalak bain:

1. Tidak boleh rujuk selepas iddah hakiki selesai
2. Tidak sabit pusaka mempusakai, sekiranya mati salah seorang dari bekas suami-isterinya itu
3. Tidak sah iyla' ke atas perempuan itu
4. Tidak sah zihar ke atasnya
5. Tidak sah Lia'an ke atasnya
6. Tidak wajib nafkah baginya selepas iddah yang asli
7. Tidak wajib diberi pakaian kepadanya
8. Tidak sah khul' darinya

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

9. Apabila bekas suami mati, maka iddahnya tidak akan berpindah kepada iddah wafat.

Daripada pandangan ulama fiqh tersebut dapatlah difahamkan bahawa perkiraan permulaan iddah hendaklah dikira sebaik sahaja suami tidak lagi bermuasyarah dengan isterinya di mana suaminya telah bertindak keluar meninggalkan rumah kelamin mereka atau pasangan tersebut berjanji atau berniat untuk tidak melakukan muasyarah lagi sebagai pasangan suami isteri yang sah. Di dalam kes ini juga saya dapati pihak-pihak yang terlibat kurang arif atau tidak memahami hukum syarak. Apatah lagi hukum-hukum yang berkaitan dengan talak dan rujuk. Oleh sebab itu saya dapati pasangan tersebut telah bertindak dengan tinggal bersama di dalam satu rumah tanpa rujuk kembali, seolah-olah pasangan hidup suami isteri yang sah. Di dalam persoalan ini tidak ramai orang Islam mengetahui dan memahami persoalan muasyarah dan شبهة الفراش sehinggakan menyebabkan wujud kejadian di kalangan mereka apabila bercerai mereka tinggal serumah dengan pasangan mereka, tanpa rujuk kembali sebagai pasangan suami isteri yang sah mengikut hukum syarak.

Dengan berpandukan kepada pendapat ulama' tersebut, saya dapati bahawa setelah suami menjatuhkan talak satu kepada isterinya maka isterinya sepatut dan semestinya beridah dengan tiga kali suci bermula dari hari talak disabitkan oleh Mahkamah pada 30.1.2009. Akan tetapi oleh kerana telah berlaku muasyarah di antara mereka sehinggalah permohonan ini di failkan

ke Mahkamah, maka menurut hukum syarak keadaan mereka ini telah dianggap sebagai subhatul firas **شبهة الفراش**. Ini bermakna pasangan tersebut hendaklah beriddah dengan iddah yang panjang. Justeru itu di dalam menentukan iddah muasyarah ini, maka hendaklah ia di kira dari tarikh Defendan (suaminya)meninggalkan atau keluar daripada rumah kelamin mereka.

Merujuk kepada catatan hakim bicara, saya dapati Defendan (suami) telah meninggalkan rumah kelamin mereka mulai 16.8.2009. Di atas catatan hakim dan ulasan hakim bicara dalam kes tersebut serta berpandukan kepada beberapa pandangan ulamak fiqh tersebut, maka dengan ini saya amat berpuas hati bahawa pengiraan permulaan iddah Plaintiff hendaklah dimulakan pada 16.8.2009. Ini adalah kerana iddah mereka menurut hukum syarak adalah dikategorikan sebagai iddah muasyarah, bukan bermula iddah Plaintiff pada 15.8.2009 sebagaimana yang diperintahkan oleh bicara. Ini adalah kerana Defendan ketika itu tidak ada melafazkan dengan lafaz rujuk ketika mana mereka berada di dalam iddah asliah, malah mereka terus bermuasyarah seolah-olah sebagai pasangan suami isteri yang sah. Maka dengan ini Mahkamah perintahkan seperti berikut:-

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

PERINTAH

1. Mahkamah mengekalkan perintah hakim bicara dengan mengesahkan telah sabit lafaz talak kali pertama pada 30.1.2009, seperti mana yang diputuskan di para 1 dan 2.
2. Mahkamah mengeneipkan perintah di para 3 dan mahkamah ini memerintahkan Plaintiff hendaklah beridah dengan iddah muasyarah sebagaimana hukum Ehtiyati (احتياط) di dalam hukum Fiqh, maka dengan ini Mahkamah sabitkan iddah muasyarah Plaintiff bermula dari Defendan keluar dari rumah kelamin mereka pada 16.8.2009 hinggalah berakhir dengan tiga kali suci.
3. Mahkamah perintahkan kepada hakim bicara hendaklah memanggil semula Defendan untuk memberi keterangan berhubung dengan dakwaan Plaintiff bahawa telah berlaku talak kali kedua ketika mana mereka berada di dalam iddah bermuasyarah.
4. Perintah ini hendaklah disampaikan kepada hakim bicara berkenaan untuk tindakan selanjutnya.
5. Perintah ini berkuat kuasa serta-merta.